



PEKELILING AKADEMIK BILANGAN 2/2025

GARIS PANDUAN SULAM@UMK

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Senat Bilangan 8/2023 (Kali Ke-156) yang telah bersidang pada 4 Disember 2023 (Isnin) bersetuju meluluskan cadangan pelaksanaan Garis Panduan SULAM@UMK. Garis panduan ini telah mendapat kelulusan pendaftaran nombor eISBN daripada Pustaka Negara Malaysia (PNM) yang bertarikh pada 1 Januari 2025.

3. Semua staf akademik, pihak pengurusan fakulti dan bahagian yang berkaitan adalah disarankan untuk merujuk kepada garis panduan tersebut dalam pembangunan dan pelaksanaan SULAM di UMK serta ianya terpakai kepada semua proram pengajian Sarjana Muda. Bersama-sama ini dilampirkan garis panduan berkaitan sebagai rujukan dan panduan selanjutnya.

Segala perhatian dan kerjasama yang diberikan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“ISLAM MEMBIMBING, RAJA MEMIMPIN, NEGERI DIBERKATI”
“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

(PROF. DR. HUZILI BIN HUSSIN, A.M.P, P.M.P)
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Malaysia Kelantan

4 FEBRUARI 2025

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor – Timbalan Naib Canselor
- Pendaftar
- Semua Dekan/ Pengarah Pusat Pengajian



GARIS PANDUAN



SERVICE LEARNING MALAYSIA
SULAM@UMK
UNIVERSITY FOR SOCIETY

PUSAT KECEMERLANGAN DAN PEMBANGUNAN AKADEMIK
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

GARIS PANDUAN



SERVICE LEARNING MALAYSIA

SULAM@UMK

UNIVERSITY FOR SOCIETY

Hak cipta PKPA UMK, 2024

Hak cipta adalah terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik (PKPA), Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Judul : GARIS PANDUAN SULAM@UMK

No. eISBN: 978-629-95323-6-1

Diterbitkan oleh

Penerbitan Korporat UMK

Bahagian Penerbitan dan Pengurusan Laman Web

Pusat Komunikasi Korporat

Pejabat Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan

16300 Bachok

Kelantan Darul Naim

Tel : 09-7797015

Emel : bpk.pkk@umk.edu.my

Laman Web: <https://corporate.umk.edu.my/>

Disediakan oleh

PUSAT KECEMERLANGAN DAN PEMBANGUNAN AKADEMIK (PKPA)

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK)

16300 Bachok, Kelantan

Tel: 09 – 779 7000

Emel: pkpa@umk.edu.my

Laman Web: <https://pkpa.umk.edu.my/>

ISI KANDUNGAN

SIDANG EDITORIAL	i
PRAKATA	ii
LOGO SULAM@UMK	iii
PENDAHULUAN	iv
GLOSARI	v
SENARAI RAJAH	vi
SENARAI JADUAL	vii
BAHAGIAN 1: PENGENALAN SULAM	1
1.1 Latar belakang	1
1.2 Objektif Pelaksanaan	2
1.3 Pemegang Taruh	3
1.4 Konsep dan Prinsip Asas	3
1.5 Pendekatan SULAM	4
1.6 Kelebihan SULAM	5
1.7 Perbandingan program SULAM dengan program komuniti	6
1.8 Rumusan	7

BAHAGIAN 2: PEMBANGUNAN KURSUS SULAM	8
2.1 Prinsip Akademik Kursus SULAM	8
2.2 Penajaran Konstruktif Kursus	11
2.3 Hasil Pembelajaran Kursus	12
2.4 Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran	15
2.5 Pentaksiran	16
2.6 Refleksi Kritikal	18
2.7 Pembahagian Jam Pembelajaran Pelajar	19
2.8 Rumusan	20
BAHAGIAN 3: PELAKSANAAN SULAM	21
3.1 Tadbir Urus Pelaksanaan SULAM@UMK	21
3.2 Kriteria Utama untuk Pelaksanaan SULAM	23
3.3 Kaedah Pelaksanaan SULAM	24
3.3.1 Secara fizikal	24
3.3.2 Secara dalam talian (e-SULAM)	25
3.4 Fasa Pelaksanaan SULAM	27
3.4.1 Fasa 1 (Perancangan)	28
3.4.2 Fasa 2 (Penetapan Aktiviti)	29
3.4.3 Fasa 3 (Pelaksanaan)	30
3.4.4 Fasa 4 (Pengukuran Impak)	31
3.5 Carta Alir Pelaksanaan SULAM@UMK	32
3.6 Pemantauan aktiviti SULAM@UMK	33
3.7 Dokumentasi SULAM KPT	33
3.7.1 Penyelaras SULAM UA	34
3.7.2 Portal SULAM	34
3.8 Pelaporan SULAM@UMK	35
3.9 Kertas Cadangan Aktiviti SULAM@UMK	36
3.10 Rumusan	36
PENUTUP	37
RUJUKAN	38

SIDANG EDITORIAL

PENASIHAT

Prof. Madya. Dr. Mohammad Najmi bin Masri

KETUA EDITOR

Nur Hafezah binti Hussein

EDITOR

Prof. Madya. Dr. Mohammad Najmi bin Masri

Dr. Suhaila binti Abd. Kadir

Dr. Nordalila binti Marican

Dr. Ahmad Zaki bin Amiruddin

SENARAI PENULIS

Nur Hafezah binti Hussein

Dr. Suhaila binti Abd. Kadir

Dr. Nordalila binti Marican

Dr. Luqman bin Abu Bakar

Pn. Raja Nor liana binti Raja Omar

Dr. Hafzan Eva binti Mansor

Dr. Mardhiah binti Kamaruddin

SEKRETARIAT

Pn. Siti Norhidayah binti Mat Hussin

Cik Wan Nurhayati binti Wan Yusoff

Pn. Che Nurul Nyunni binti Ibrahim

PEREKA

En. Yusroyka bin Karim

PRAKATA

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Syukur ke hadrat Illahi kerana dengan izin dan rahmat-Nya, Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik (PKPA), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah berjaya membangunkan Garis Panduan SULAM@UMK, Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Berasaskan konsep “Universiti untuk Masyarakat”, *Service Learning Malaysia - University for Society* atau SULAM merupakan inisiatif Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang bertujuan untuk memberi pengalaman pembelajaran berdasarkan perkhidmatan kepada pelajar.

Oleh itu, garis panduan SULAM@UMK telah diterbitkan sebagai sumber rujukan kepada warga UMK dalam pembangunan dan pelaksanaan SULAM di UMK. Ia merangkumi pelbagai aspek termasuk perancangan kursus/program, integrasi kurikulum, pengurusan dan pelaksanaan projek, penilaian impak serta penambahbaikan berterusan.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam penyediaan garis panduan ini. Semoga usaha kita ini dapat membawa manfaat yang berkekalan kepada masyarakat serta melahirkan graduan UMK yang berilmu dan dapat memberikan impak positif kepada komuniti.



Prof. Madya Dr. Mohamad Najmi Masri
Pengarah
Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan
Akademik,
Universiti Malaysia Kelantan

LOGO SULAM@UMK



Penerangan Logo SULAM@UMK

- i. Logo SULAM@UMK mengambil inspirasi daripada logo sulam rasmi KPT.
- ii. Penerangan bagi setiap warna adalah seperti berikut:
Merah: Kasih Sayang (*Love*)
Jingga: Kebahagiaan (*Happiness*)
Biru: Saling Menghormati (*Mutual Respect*)
- iii. Gabungan tiga (3) warna yang digunakan dalam reka bentuk logo melambangkan tiga (3) warna rasmi UMK sekaligus mewakili kombinasi tiga (3) elemen iaitu Komuniti, Pelajar, dan Pensyarah.
- iv. Tiga (3) simpulan reben menunjukkan kombinasi sifat keprihatinan dan lambang perhubungan kerjasama yang dibina antara komuniti, pelajar dan pensyarah melalui program SULAM.

PENDAHULUAN

SULAM adalah salah satu elemen Pembelajaran Berimpak Tinggi (HIEPs; *High Impact Educational Practices*), yang diberikan penekanan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Malaysia. SULAM memberi impak positif kepada pelajar, universiti, komuniti, industri dan pihak berkepentingan yang lain.

SULAM mampu menyumbang untuk meningkatkan kemahiran insaniah pelajar seperti kemahiran penyelesaian masalah. Justeru, ia perlu diterapkan dalam sesuatu program akademik dengan cara yang lebih berstruktur dan sistematik.

Oleh itu, garis panduan ini dibangunkan bertujuan untuk memastikan keutuhan dalam hal perancangan SULAM di UMK dan sekaligus menambahbaik praktis pelaksanaan SULAM dalam kursus-kursus akademik dalam program pengajian di UMK di peringkat Sarjana Muda. Selain itu, pembangunan garis panduan bagi pelaksanaan SULAM di Universiti Malaysia Kelantan adalah penting untuk mengupayakan SULAM dalam meningkatkan peranan universiti sebagai agen perubahan komuniti dengan menawarkan khidmat komuniti kepada masyarakat sasaran.

Garis Panduan ini dibaca bersama dengan Buku Peraturan Akademik UMK (2019), Buku Peraturan Peperiksaan UMK (2014), Garis Panduan Pengajaran dan Pembelajaran UMK 2023 serta Garis Panduan Pentaksiran (secara fizikal dan secara dalam talian), UMK 2023.

GLOSARI

BKA	Bahagian Kecemerlangan Akademik
CARE	<i>Community Resilience Experiential Learning</i>
CSR	<i>Corporate Social Responsibility</i>
e-SULAM	<i>e-Service Learning Malaysia-University for Society</i>
EXCEL	<i>Experiential Learning and Competency-Based Education Landscape</i>
HIEPs	<i>High Impact Educational Practices/ Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi</i>
HPK	Hasil Pembelajaran Kursus
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
JPT	Jabatan Pendidikan Tinggi
KKM	Kerangka Kelayakan Malaysia
KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi
NGO	<i>Non-government Organization/ Badan Bukan Kerajaan</i>
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PTj	Pusat Tanggungjawab
SULAM	<i>Service Learning Malaysia-University for Society</i>
SLT	<i>Student Learning Time / Jam Belajar Pelajar</i>
SoW	<i>Scheme of Work</i>
UA	Universiti Awam

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1: Pemegang taruh dalam perancangan dan pelaksanaan SULAM

Rajah 1.2: Pendekatan SULAM

Rajah 2.1: Elemen HIEPs yang digariskan Jabatan Pengajian Tinggi, 2018

Rajah 2.2: Komponen utama SULAM

Rajah 2.3: Model pembangunan kursus SULAM@UMK mengikut prinsip penajaran konstruktif

Rajah 2.4: Kriteria amalan baik yang diperlukan dalam penilaian refleksi kritikal

Rajah 2.5: Model jam pembelajaran pelajar

Rajah 3.1: Cadangan platform dalam talian untuk e-SULAM

Rajah 3.2: Contoh pelaksanaan e-SULAM@UMK mengikut pendekatan SULAM

Rajah 3.3: Kaedah pelaksanaan e-SULAM

Rajah 3.4: Fasa pelaksanaan SULAM@UMK

Rajah 3.5: Carta alir pelaksanaan SULAM@UMK

Rajah 3.6: Kertas cadangan untuk aktiviti SULAM@UMK

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1: Perbandingan program SULAM dengan program komuniti

Jadual 2.1: Potensi hasil pembelajaran pelajar bagi kursus SULAM@UMK

Jadual 2.2: Pendekatan pengajaran dan pembelajaran kursus SULAM@UMK

Jadual 2.3: Jenis pentaksiran kursus SULAM@UMK

1

BAHAGIAN

PENGENALAN SULAM

Bahagian ini menerangkan tentang latar belakang SULAM, objektif pelaksanaan *Service Learning Malaysia-University for Society* atau SULAM, dan pemegang taruh yang terlibat dalam SULAM. Konsep dan prinsip asas SULAM, pendekatan SULAM dan kelebihan SULAM juga dibincangkan di dalam bahagian ini. Selain itu, perbezaan projek yang melibatkan masyarakat dari segi definisi dan kaedah pelaksanaan turut diterangkan untuk membantu pensyarah/staf akademik dalam membangunkan kursus SULAM yang bersesuaian dengan disiplin akademik.

1.1 Latar belakang

Service-Learning Malaysia-University for Society atau SULAM adalah kaedah pembelajaran yang memberi peluang kepada pelajar untuk menyumbang ilmu, kemahiran dan kompetensi dari disiplin akademik mereka dalam menyelesaikan masalah atau isu masyarakat. SULAM juga adalah alah satu elemen yang mencirikan sesuatu kurikulum itu mempunyai amalan Pembelajaran Berimpak Tinggi (HIEPs; *High Impact Educational Practices*) yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia pada tahun 2016. Oleh itu, ia perlu diterapkan dalam sesuatu program akademik berkredit dengan cara yang lebih terstruktur dan sistematik. Ianya menyokong Lonjakan Pendidikan Tinggi bagi melahirkan graduan yang holistik, seimbang dengan minda keusahawanan.

1.2 Objektif Pelaksanaan

Objektif pelaksanaan SULAM@UMK akan mengikut objektif yang telah digariskan di peringkat kebangsaan iaitu:

-
- 01 Meningkatkan pembelajaran pelajar dengan menghubungkaitkan teori dengan praktis di dunia sebenar.
 - 02 Meningkatkan sahsiah, kemahiran sivik dan kewarganegaraan di kalangan pelajar.
 - 03 Memenuhi keperluan komuniti melalui aktiviti kesukarelawanan dengan menggunakan 'kepakaran' pelajar mengikut disiplin.
 - 04 Mewujudkan persekitaran kerjasama antara pelajar, tenaga pengajar dan komuniti.
 - 05 Memberi peluang kepada agensi, syarikat korporat dan *Non-government Organization* (NGO) memberi sumbangan komuniti melalui *Corporate Social Responsibility* (CSR)

Sumber: *SULAM Playbook: Service-Learning Malaysia-University for Society*, JPT, 2019

1.3 Pemegang Taruh



Rajah 1.1 Pemegang taruh dalam perancangan dan pelaksanaan SULAM

Sumber: *SULAM Playbook: Service-Learning Malaysia-University for Society*, JPT, 2019


1.4 Konsep dan Prinsip Asas

-  Berasaskan kursus akademik berkredit (Pelaksanaan SULAM melibatkan minimum 20 jam daripada jumlah belajar pelajar (SLT) per kursus)
-  Memenuhi keperluan masyarakat
-  Projek SULAM berkait dengan kandungan disiplin atau bidang bagi kursus akademik terlibat
-  Refleksi Kritikal (*Critical Reflection*) adalah komponen wajib yang perlu ada dalam kaedah pentaksiran SULAM
-  Kerjasama antara pelajar, tenaga pengajar, universiti, masyarakat dan juga melibatkan industri/badan berkanun
-  Berimpak dan boleh diukur

Sumber: *SULAM Playbook: Service-Learning Malaysia-University for Society*, JPT, 2019

1.5 Pendekatan SULAM

Terdapat EMPAT pendekatan SULAM yang diterima pakai dan diaplikasi oleh pengamal dan pakar *Service-Learning* di peringkat global secara amnya. Pendekatan tersebut adalah:



Rajah 1.2 Pendekatan SULAM

Sumber: *SULAM Playbook: Service-Learning Malaysia-University for Society, JPT, 2019*

1.6 Kelebihan SULAM

- 01** Pelajar boleh melihat bahawa ilmu pengetahuan ataupun teori yang mereka pelajari dalam bilik kuliah adalah relevan dan dapat diaplikasikan dalam permasalahan harian yang sebenar
- 02** Meningkatkan rasa tanggungjawab sosial, hormat menghormati dan kemahiran kewarganegaraan pelajar seperti toleransi agama dan kaum
- 03** Membangunkan kemahiran abad ke-21 pelajar seperti kebolehan untuk bekerja dengan baik dengan orang lain, kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, memimpin dan berkomunikasi dengan pelbagai lapisan masyarakat.
- 04** Membantu pembangunan komuniti dengan limpahan ilmu dan teknologi terkini dari IPT.
- 05** Memberi peluang kepada komuniti untuk bekerjasama dengan pihak Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi merancang aktiviti yang berstruktur dan mampan bagi meningkatkan sosio-ekonomi mereka.
- 06** IPT yang melaksanakan SULAM pula mampu meningkatkan kualiti graduan dengan memperkasakan pembangunan modal insan secara menyeluruh dan bersepadu serta membuka peluang IPT menyalurkan kepakaran dan teknologi bagi membangunkan masyarakat.

Sumber: *SULAM Playbook: Service-Learning Malaysia-University for Society*, JPT, 2019

1.7 Perbandingan program SULAM dengan program komuniti

Jadual 1.1: Perbandingan program SULAM dengan program komuniti

Projek / Kategori	SULAM	Kesukarelawanan	Khidmat Komuniti	Praktikum	Kerja Lapangan
Definisi	Pembelajaran berasaskan pengalaman menyelesaikan permasalahan masyarakat dengan mengaplikasikan ilmu dan skill dari disiplin akademik	Bidang kesukarelawanan menekankan kepada servis yang diberikan kepada individu atau komuniti. (tidak berdasarkan disiplin akademik tertentu)	Perkhidmatan yang disasarkan kepada komuniti dan ianya tidak berdasarkan disiplin akademik tertentu	Penglibatan dalam latihan dengan tujuan untuk mendapatkan pengalaman sebenar dalam disiplin akademik	Projek yang melibatkan komuniti atau organisasi yang berkaitan dengan bidang pengajian akademik masing-masing
Kaedah Pelaksanaan	Dijalankan secara formal melibatkan kursus-kursus akademik	Dijalankan secara formal dan informal tergantung pelaksanaan kursus	Dijalankan secara formal dan informal tergantung pelaksanaan kursus	Dijalankan secara formal melibatkan kursus-kursus akademik	Tidak bersepada sepenuhnya dalam kursus akademik
Kaedah Pentaksiran	Salah satu kaedah pentaksiran yang wajib adalah 'critical reflection'. Kaedah pentaksiran lain yang bersesuaian boleh digunakan	Pentaksiran bergantung kepada kaedah pelaksanaan projek samada formal atau informal	Pentaksiran bergantung kepada kaedah pelaksanaan projek samada formal atau informal	Kaedah pentaksiran tertakluk kepada perancangan kursus (<i>Table 4 & Scheme of Work, SoW</i>)	Pentaksiran bergantung kepada kaedah pelaksanaan projek samada formal atau informal
Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)	Perlu dinyatakan dalam HPK	Tidak dikaitkan dengan HPK	Tidak dikaitkan dengan HPK	Dikaitkan dengan hasil HPK tapi tidak perlu secara terperinci	Tidak perlu dikaitkan dengan HPK
Tempoh	Melibatkan 20 jam daripada jumlah keseluruhan jam pembelajaran pelajar (SLT) per kursus	Tergantung kepada pelaksanaan projek	Tergantung kepada pelaksanaan projek	Tergantung kepada tempoh yang telah dirancang dalam kursus (<i>Table 4 & Scheme of Work, SoW</i>)	Tergantung kepada pelaksanaan projek

1.8 Rumusan

Secara keseluruhannya, bahagian ini membincangkan secara khusus, latar belakang, objektif pelaksanaan, pemegang taruh, konsep dan prinsip SULAM, serta pendekatan SULAM untuk membantu tenaga pengajar dan pembangun kursus serta pihak yang berkaitan dalam merancang dan menyediakan pelan pengajaran dan pemilihan aktiviti SULAM@UMK. Selain itu, perbezaan kaedah pelaksanaan projek komuniti turut dinyatakan di dalam bahagian ini untuk mengelakkan kekeliruan dalam menentukan pendekatan SULAM yang ingin dirancang. Kelebihan SULAM juga turut dinyatakan untuk menggalakkan perancangan dan pelaksanaan SULAM yang akan dapat meningkatkan kualiti pembelajaran.

BAHAGIAN 2

PEMBANGUNAN KURSUS SULAM


Bahagian ini akan memperincikan elemen pembangunan kursus SULAM dalam beberapa subtopik utama iaitu prinsip akademik kursus SULAM, penajaran konstruktif kursus, hasil pembelajaran kursus, pembahagian jam pembelajaran pelajar, pendekatan pengajaran dan pembelajaran, serta pentaksiran. Elemen ini adalah penting dalam pembangunan dan penawaran kursus SULAM@UMK.

2.1 Prinsip Akademik Kursus SULAM

SULAM atau dahulunya dikenali sebagai Pembelajaran Berasaskan Perkhidmatan dan Komuniti merupakan salah satu amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (*High Impact Educational Practices, HIEPs*) yang wajib dilaksanakan dalam setiap program akademik yang ditawarkan oleh Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia.

Lanjutan daripada HIEPs, pelaksanaan kursus SULAM dalam kurikulum program akademik menyokong kerangka transformasi pendidikan berdasarkan pengalaman atau lebih dikenali sebagai jenama *Experiential Learning and Competency-Based Education Landscape (EXCEL)*. Penawaran kursus SULAM dalam kurikulum akademik membentuk tujuan *Community Resilience Experiential Learning (CARE)*.

Rajah 2.1 menunjukkan sembilan elemen HIEPs yang digariskan oleh Jabatan Pengajian Tinggi (JPT), Malaysia.




Rajah 2.1: Elemen HIEPs yang digariskan Jabatan Pengajian Tinggi, 2018

Sumber: Modul Amalan Baik Berasaskan Hasil (2021)

Secara prinsipnya, kursus SULAM menggabungkan objektif pembelajaran dengan khidmat komuniti dalam mengintegrasikan perkembangan pengetahuan, kemahiran, dan minat pelajar terhadap sesuatu bidang pengajian selain memupuk pemikiran kritis dan inovatif. Pelajar yang mengikuti kursus SULAM secara umumnya dapat:

- i. Menghubungkan khidmat komuniti kepada kandungan kursus atau program akademik.
- ii. Mengenal pasti kekuatan dan keperluan sesuatu komuniti.
- iii. Mendalami kerumitan isu sosial dalam kalangan komuniti setempat.
- iv. Mengenal pasti peranan sebagai agen perubahan kepada masalah komuniti.
- v. Mengartikulasi strategi untuk bertindak dalam menyelesaikan masalah komuniti.

Rajah 2.2 menunjukkan komponen utama SULAM yang mesti digunakan dalam membangunkan kursus SULAM@UMK.




Rajah 2.2: Komponen Utama SULAM

Pembangunan kursus SULAM@UMK mesti mengandungi perkara berikut:

- i. Terdapat **hubungan yang jelas** antara **aktiviti khidmat komuniti** yang dijalankan dan **kandungan kursus**.
- ii. Menggunakan **refleksi kritikal** sebagai salah satu **komponen wajib pentaksiran** dalam kursus.
- iii. Projek SULAM@UMK **dipetakan** kepada **satu atau lebih hasil pembelajaran kursus** dan **diterapkan (embedded)** dalam **silibus kursus**.
- iv. Memperuntukkan sekurang-kurangnya **30%** daripada **jumlah pentaksiran kursus**.
- v. Melibatkan **sekurang-kurangnya 20 jam** daripada **jumlah jam pembelajaran pelajar (SLT)** per kursus.
- vi. **Gred pelajar diberi berdasarkan pencapaian hasil pembelajaran kursus.**

2.2 Penjajaran Konstruktif Kursus

Penjajaran konstruktif merujuk kepada prinsip yang digunakan untuk merangka aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta tugas pentaksiran yang dikaitkan dengan hasil pembelajaran kursus. Pembangunan kursus SULAM@UMK wajib berlandaskan kepada penjajaran konstruktif dalam menyokong pendekatan pendidikan Malaysia yang lebih menekankan kepada hasil pembelajaran yang menjurus kepada peningkatan pengetahuan, kemahiran, adab dan sikap seperti yang digariskan dalam Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM).



Rajah 2.3: Model Pembangunan Kursus SULAM@UMK Mengikut Prinsip Penjajaran Konstruktif

2.3 Hasil Pembelajaran Kursus

Hasil Pembelajaran Kursus (HPK) adalah pernyataan yang menjelaskan tentang apa yang perlu diketahui, difahami dan dilakukan oleh seorang pelajar semasa mengikuti sesuatu kursus akademik. Oleh yang demikian, penulisan HPK perlu menepati beberapa kriteria, seperti boleh dicapai, diperhati, diukur dan ditaksir serta dirangka berdasarkan domain kognitif, psikomotor dan afektif.

Dalam membina HPK bagi kursus SULAM@UMK, pembangun kursus perlu membuat pertimbangan berkenaan impak pelaksanaan projek SULAM@UMK dalam membantu pelajar mencapai HPK tersebut. Perancangan kursus juga perlu diberi perhatian agar hasil pembelajaran kursus tersebut berjaya menyumbang kepada pencapaian hasil pembelajaran program pengajian yang diikuti. Kursus SULAM@UMK harus dipacu oleh HPK yang mencerminkan kedua-dua elemen pembelajaran berdasarkan perkhidmatan iaitu prinsip akademik dan tanggungjawab sivik.

Hasil pembelajaran kursus perlu dinyatakan dengan jelas agar tenaga pengajar dan pelajar mengetahui dan memahami tentang fokus atau tumpuan kursus yang diikuti. Penyataan hasil pembelajaran kursus SULAM@UMK perlu dipetakan kepada (5) kluster hasil pembelajaran sebagaimana yang dinyatakan dalam dokumen KKM edisi kedua (Jadual 2.1).

Jadual 2.1: Potensi Hasil Pembelajaran Pelajar bagi Kursus SULAM@UMK

Kluster Hasil Pembelajaran	Domain Hasil Pembelajaran	Penerangan
Pengetahuan dan kefahaman	Pengetahuan dan kefahaman	Membolehkan pelajar menghubung kait pengetahuan dan kemahiran dalam disiplin ilmu tertentu serta mengembangkannya untuk khidmat komuniti.
Kemahiran kognitif	Kemahiran kognitif	Meningkatkan keupayaan berfikir dan menganalisis maklumat dalam usaha membantu menyelesaikan masalah yang di hadapi oleh komuniti.
Kemahiran kerja berfungsi	Kemahiran praktikal	Mempunyai kebolehan untuk merancang, menganjurkan, menggunakan teknik dan kemahiran tertentu mengikut bidang pengajian yang diikuti.
	Kemahiran interpersonal	Mempamerkan kemahiran interpersonal, sosial dan kerjasama dengan pelbagai pihak dalam menguruskan projek secara berpasukan selain menghargai dan menghormati perspektif berbeza dalam populasi komuniti pelbagai.
	Kemahiran komunikasi	Membangunkan kemahiran komunikasi secara lisan dan bertulis dalam membina kemampuan memberikan penerangan dan pandangan kepada kumpulan komuniti sasaran dalam menyelesaikan konflik.
	Kemahiran digital	Mengupayakan kemahiran menggunakan maklumat atau teknologi digital untuk menyelesaikan masalah komuniti atau menyampaikan keimbangan dan keperluan sesebuah komuniti.
	Kemahiran numerasi	Mengaplikasi kemahiran numerasi tahap tinggi untuk menyelesaikan masalah sebenar sesebuah komuniti dan menyampaikan pandangan kepada orang ramai.
	Kepimpinan, autonomi dan tanggungjawab	Mempamerkan ciri kepimpinan dan semangat berkumpulan yang berkesan bagi melaksanakan tugas kidmat komuniti melangkaui pelbagai kumpulan dengan latar belakang yang berbeza.
Kemahiran personal dan keusahawanan	Kemahiran personal	Menunjukkan nilai, keyakinan, kawalan diri, sikap yang baik dan komitmen untuk pembelajaran sepanjang hayat melalui penyelesaian masalah komuniti.
	Kemahiran keusahawanan	Membolehkan pelajar mengaplikasikan kemahiran keusahawanan dalam menghasilkan idea, peluang dan inovasi terkini.
Etika dan profesionalisme	Etika dan profesionalisme	Melaksanakan tugas secara professional, beretika dan bertanggungjawab berlandaskan ilmu pengetahuan sesuai dengan keperluan organisasi dan masyarakat.

Contoh pernyataan HPK bagi kursus SULAM@UMK adalah seperti berikut:

Pada akhir kursus ini, pelajar mampu:

- *Menganalisa faktor-faktor yang menyumbang kepada kemudaratian sosial, emosi, dan ekonomi terhadap komuniti asnaf (PLO 1, C4).*
- *Mencadangkan prinsip etika dan professional dalam mengadaptasi norma baru perniagaan makanan (PLO 11, A3).*
- *Mengaplikasi kemahiran digital dan numerasi dalam menyelesaikan permasalahan komuniti (PLO 6, C3).*
- *Mengaplikasi penggunaan model, teknik dan strategi membuat keputusan dalam setiap urutan langkah pengurusan program kesihatan komuniti (PLO 3, P4).*

2.4 Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran

Cadangan pelaksanaan projek SULAM@UMK mengikut pendekatan SULAM dijelaskan dalam Jadual 2.2.

Jadual 2.2: Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran Kursus SULAM@UMK

Kategori	Pendekatan SULAM@UMK			
	Langsung	Tidak Langsung	Advokasi	Penyelidikan
Penerangan	<ul style="list-style-type: none"> Pelajar berkhidmat secara langsung kepada komuniti Menyelesaikan masalah dan dijalankan secara bersemuka 	<ul style="list-style-type: none"> Pelajar memberikan perkhidmatan secara tidak langsung kepada komuniti Fokus kepada mengenalpasti punca masalah 	<ul style="list-style-type: none"> Pelajar berperanan sebagai rakan kongsi dan melibatkan diri secara aktif Perkongsian pengetahuan dan peningkatan kesedaran komuniti 	<ul style="list-style-type: none"> Pelajar mengenal pasti masalah komuniti dan menjalankan penyelidikan Pengumpulan dan pelaporan data bagi menangani masalah
Kaedah Pembelajaran	<ul style="list-style-type: none"> Pembelajaran berdasarkan perkidmatan & penyelesaian masalah 	<ul style="list-style-type: none"> Aktiviti kesukarelawan Projek berdasarkan disiplin 	<ul style="list-style-type: none"> Pembelajaran berdasarkan masalah Projek berdasarkan disiplin 	<ul style="list-style-type: none"> Projek capstone Kajian kes komuniti
Contoh Aktiviti SULAM	<ul style="list-style-type: none"> Menganjurkan kelas bahasa kepada komuniti. Mengadakan latihan keusahawanan kepada peniaga 	<ul style="list-style-type: none"> Menyediakan kawasan pemuliharaan untuk kegunaan awam Membina lanskap di tempat awam 	<ul style="list-style-type: none"> Mengadakan kempen pengurusan sampah Merangka kurikulum dengan agensi tertentu berkaitan pengurusan kewangan 	<ul style="list-style-type: none"> Menghasilkan garis panduan pelaksanaan spa mesra Muslim Menghasilkan modul pemakanan sihat kanak-kanak obesiti

2.5 Pentaksiran

Pentaksiran adalah satu proses penilaian pelajar bagi menjawab hasil pembelajaran kursus. **Kaedah pentaksiran** sesuatu kursus SULAM perlu dirancang dengan lebih awal bagi memastikan penambahbaikan berterusan dapat dilakukan. Pentaksiran adalah penting untuk mengukur dan menilai impak aktiviti SULAM yang telah dijalankan, ke atas komuniti, pelajar dan fakulti.

Terdapat dua (2) jenis pentaksiran kursus SULAM@UMK iaitu pentaksiran formatif dan pentaksiran sumatif. Pentaksiran formatif mengukur pembelajaran pelajar sebelum atau semasa aktiviti SULAM dijalankan secara berterusan. Manakala, pentaksiran sumatif dijalankan untuk menilai keberkesanannya aktiviti SULAM kepada pelajar mengikut HPK yang telah dibina. Pentaksiran sumatif biasanya dilakukan di akhir semester atau selepas kursus SULAM tersebut tamat.

Refleksi kritikal adalah komponen yang **wajib** dimasukkan dalam **pentaksiran kursus SULAM**. Selain itu, pembangun kursus SULAM@UMK boleh menggunakan pelbagai aktiviti pentaksiran bagi sesuatu kursus SULAM mengikut kesesuaian kursus dan HPK yang telah dibina.

Pelajar **tidak** boleh diberi **markah** atau **gred** untuk **waktu perkhidmatan** yang dijalankan. **Penilaian** pelajar adalah berdasarkan kepada **pencapaian pelajar** mengikut **HPK** yang telah ditetapkan dalam *Table 4* dan SoW. Projek atau komponen aktiviti SULAM@UMK mestilah membentuk **sekurang-kurangnya 30%** daripada **jumlah pentaksiran kursus SULAM**.

Perincian jenis pentaksiran disenaraikan dalam Jadual 2.3.

Jadual 2.3: Jenis Pentaksiran Kursus SULAM@UMK

Kategori	Jenis Pentaksiran	
	Formatif	Sumatif
Kata Kunci	Pentaksiran untuk pembelajaran	Pentaksiran pembelajaran
Penerangan	<ul style="list-style-type: none"> Memberi tumpuan kepada pencapaian masa depan pelajar. Menyediakan maklum balas segera untuk pengajar. Memberi pandangan tentang sejauh mana pelajar mencapai hasil pembelajaran. Biasanya tidak digredkan Membimbing menerusi arahan. 	<ul style="list-style-type: none"> Menilai apa yang telah dipelajari pada masa lalu. Aktiviti kemuncak yang menunjukkan pembelajaran pelajar tentang sesuatu hasil. Biasanya digredkan. Menyediakan maklum balas yang akhirnya boleh digunakan untuk penambahbaikan program.
Alat Pentaksiran	Konvensional <ul style="list-style-type: none"> Aplikasi kad Rumusan Fikir dan kongsi Dalam Talian- <ul style="list-style-type: none"> Kahoot Mentimeter Twitter Quizlet 	Konvensional <ul style="list-style-type: none"> Ujian esei Laporan Kajian kes Pembentangan lisan Alternatif <ul style="list-style-type: none"> Peperiksaan berkumpulan Portfolio Permainan/ Penghasilan perisian

2.6 Refleksi Kritikal

Refleksi kritikal merupakan komponen wajib dalam kaedah pentaksiran SULAM@UMK. Refleksi kritikal menyediakan platform untuk pelajar bertanya soalan, berkongsi idea dan pengalaman, mencabar penyelesaian semasa kepada isu komuniti dan membangunkan rancangan untuk menangani keperluan komuniti. Penilaian bagi refleksi kritikal ini boleh diartikulasikan dalam tiga (3) kaedah iaitu melalui penulisan, lisan, dan ekspresi artistik.

Antara aktiviti refleksi yang boleh dijalankan adalah merangkumi jurnal, penulisan terarah dan perbincangan kelas berstruktur. Antara kriteria amalan baik yang diperlukan dalam penilaian refleksi kritikal adalah seperti berikut:


Berterusan	<ul style="list-style-type: none">Dijalankan sepanjang semesterRefleksi dibuat sebelum, semasa, dan selepas aktiviti SULAM dijalankan
Berhubung	<ul style="list-style-type: none">Merujuk kepada pengalaman peribadi pelajar yang menjalankan aktiviti SULAM
Mencabar	<ul style="list-style-type: none">Mencabar pelajar untuk berfikir secara kritis dengan mengaitkan aktiviti SULAM, kandungan akademik, dan tanggungjawab sosial
Berkonteks	<ul style="list-style-type: none">Konsisten dan saling melengkapi dengan kandungan kursus lain

Rajah 2.4: Kriteria Amalan Baik yang Diperlukan dalam Penilaian Refleksi Kritikal

2.7 Pembahagian Jam Pembelajaran Pelajar

Jam Pembelajaran Pelajar (*Student Learning Time, SLT*) adalah masa pembelajaran berkesan atau jumlah masa pelaksanaan keseluruhan aktiviti pengajaran dan pembelajaran pelajar yang digunakan untuk mencapai hasil pembelajaran kursus yang ditetapkan. SLT juga merupakan teras kepada penetapan kredit kursus. Komponen utama SLT terbahagi kepada dua iaitu jam pembelajaran dan jam pentaksiran formal.

Sebagaimana ilustrasi dalam Rajah 2.5, SLT sesebuah kursus mengambil kira semua aktiviti pembelajaran termasuklah persediaan bahan, pencarian maklumat dan masa menduduki peperiksaan. SLT tidak hanya merujuk kepada jam pertemuan rasmi dengan pengajar seperti kuliah, tutorial, praktikal dan kerja lapangan. Kesemua aktiviti pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran diambil kira dalam menentukan hasil pembelajaran dan menetapkan jumlah jam kredit bagi setiap kursus.



Rajah 2.5: Model Jam Pembelajaran Pelajar

Bagi kursus SULAM@UMK, pembahagian jam pembelajaran pelajar perlu mempunyai tempoh masa yang mencukupi dalam menyelesaikan masalah komuniti dan memenuhi jam pembelajaran pelajar, serta perlu mengambil kira keperluan dan syarat disiplin kursus selain tahap kesukaran projek SULAM. Perkara berikut perlu dipertimbangkan semasa menentukan jam pembelajaran pelajar bagi kursus SULAM@UMK:

- i. Proses penentuan keperluan komuniti, persediaan menjalankan program khidmat komuniti, pelaksanaan program khidmat komuniti, serta pentaksiran dan refleksi.
- ii. Projek khidmat komuniti yang dijalankan secara blok masa tertumpu bagi tempoh beberapa hari atau minggu.
- iii. Penentuan masa mencukupi untuk menangani keperluan komuniti dan mencapai hasil pembelajaran.

Pembangun kursus SULAM@UMK wajib memperuntukkan **sekurang-kurangnya 20 jam per kursus** untuk pelajar merancang dan melaksana projek SULAM. Projek SULAM@UMK juga perlu mempunyai **sekurang- kurangnya 9 jam aktiviti bersemuka** bagi membuka peluang interaksi dengan rakan-rakan komuniti.

2.8 Rumusan

Bahagian ini telah menyediakan panduan pembangunan kursus SULAM@UMK mengikut kriteria yang digariskan oleh Jabatan Pengajian Tinggi. Prinsip akademik kursus SULAM, penajaran konstruktif kursus, hasil pembelajaran kursus, pembahagian jam belajar pelajar, pendekatan pengajaran dan pembelajaran, serta pentaksiran telah ditekankan. Bahagian ini diharap dapat membantu tenaga pengajar dan pembangun kursus memahami elemen SULAM seterusnya menjamin kelancaran dalam membangunkan kursus SULAM@UMK.

3

BAHAGIAN

PELAKSANAAN SULAM

Bahagian ini secara khususnya membincangkan tadbir urus SULAM di UMK, kriteria utama dalam pelaksanaan SULAM, kaedah pelaksanaan SULAM secara fizikal dan secara dalam talian, fasa utama dalam proses pelaksanaan SULAM, carta alir pelaksanaan SULAM@UMK, pemantauan projek di dalam kursus SULAM@UMK, dokumentasi SULAM KPT dan dokumentasi SULAM@UMK.

3.1 Tadbir Urus SULAM@UMK

Tadbir urus pelaksanaan kursus SULAM@UMK adalah seperti berikut:

- i. Bermula di peringkat penyelaras kursus yang ingin melibatkan kursus yang diajar dengan program SULAM.
- ii. Kursus SULAM perlu berdasarkan disiplin ilmu/bidang program pengajian
- iii. Penyelaras kursus seterusnya haruslah berbincang dengan tenaga pengajar dan Penyelaras SULAM Fakulti yang telah dilantik dalam membangunkan *Table 4* dan *SoW* yang baharu atau menambahbaik *Table 4* dan *SoW* yang sedia ada.

- iv. Table 4 dan SoW yang telah dibangunkan atau ditambahbaik seterusnya akan dibawa ke peringkat Mesyuarat Jawatankuasa Siswazah Fakulti bagi pengesahan.
- v. Kemudian, semakan akan dilakukan di peringkat Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik (PKPA), UMK.
- vi. Pelaksanaan projek di dalam kursus SULAM@UMK akan dijalankan oleh pelajar dan dipantau oleh penyelaras kursus.
- vii. Pelaporan pelaksanaan kursus SULAM@UMK perlu disediakan oleh penyelaras kursus dan dibantu oleh Penyelaras SULAM@UMK Fakulti yang telah dilantik.
- viii. Penyelaras SULAM@UMK Fakulti akan mengemaskini maklumat pelaksanaan kursus SULAM@UMK didalam database yang dikongsikan oleh PKPA, UMK bagi tujuan pelaporan kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

3.2 Kriteria Utama untuk Pelaksanaan SULAM@UMK

Berikut adalah kriteria penting untuk pelaksanaan kursus SULAM@UMK sebagai panduan staf akademik di UMK:

- i. Kursus SULAM perlu berdasarkan disiplin ilmu/bidang program pengajian
- ii. Pelaksanaan SULAM dalam sesuatu kursus memerlukan **sekurang-kurangnya** selama **20 jam** yang merangkumi masa yang diambil untuk melaksanakan EMPAT (4) fasa berikut:
 - Fasa 1: Perancangan
 - Fasa 2: Penetapan Aktiviti
 - Fasa 3: Pelaksanaan
 - Fasa 4: Pengukuran Impak
- iii. Sekurang-kurangnya **SEMBILAN (9)** jam perlu diperuntukkan bagi **aktiviti interaksi secara bersemuka dengan rakan kongsi komuniti** dalam melaksanakan SULAM.
- iv. **Sekurang-kurangnya 30%** daripada markah keseluruhan pentaksiran kursus hendaklah diperuntukkan bagi **pentaksiran SULAM**.
- v. **Berkolaborasi dengan rakan komuniti** yang tidak berdasarkan keuntungan (*non-profit community*).
- vi. Pelaksanaan SULAM hendaklah lestari, iaitu usaha secara berterusan untuk memperkasakan komuniti, bukan bersifat sekali tamat/one-off.
- vii. Pentaksiran dan pengukuran impak adalah wajib untuk setiap kursus SULAM yang dijalankan.

3.3 Kaedah Pelaksanaan SULAM@UMK

3.3.1 Secara fizikal


Secara asasnya, pelaksanaan aktiviti pembelajaran berdasarkan SULAM yang dijalankan sepenuhnya secara bersemuka kebiasaannya dilakukan melalui kaedah kerja lapangan secara fizikal bersama komuniti. Pada peringkat awal, kumpulan pelajar dikenalpasti oleh pensyarah pembimbing dan seterusnya kumpulan ini akan menentukan projek SULAM yang hendak dijalankan.

Pelajar, pensyarah dan komuniti akan mengadakan beberapa sesi pertemuan secara fizikal bagi mengenalpasti masalah komuniti yang hendak dibantu, merancang dan menentukan teknik pelaksanaan projek SULAM yang bersesuaian yang dapat memberikan impak terbaik kepada semua pihak.

Antara contoh pelaksanaan SULAM@UMK secara fizikal adalah projek penambahbaikan inap-desa (*homestay*) yang memerlukan pelajar untuk ‘turun padang’ dan membantu usahawan inap-desa untuk menaiktaraf kemudahan, peralatan, perkhidmatan yang dapat memberikan keselesaan dan pengalaman bermakna kepada pelancong dan tetamu yang menginap di inap-desa tersebut. Contoh lain pula, pelajar menganjurkan kelas Bahasa Inggeris di kawasan luar bandar bagi meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris bagi pelajar-pelajar yang bakal menduduki peperiksaan.

3.3.2 Secara dalam talian (e-SULAM)

- i. e-SULAM merupakan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) alternatif berasaskan SULAM yang dijalankan secara atas talian melalui beberapa kaedah pelaksanaan;
 - Hanya aspek PdP sahaja dijalankan secara atas talian; atau
 - Hanya aspek khidmat komuniti sahaja dijalankan secara atas talian; atau
 - Kedua-dua aspek PdP dan khidmat komuniti dijalankan secara atas talian.
- ii. Pelaksanaan e-SULAM adalah menggunakan platform digital yang digunakan oleh pelajar, pensyarah, ahli komuniti dan lain-lain pihak berkepentingan.
- iii. Elemen e-SULAM@UMK
 - Kaedah penyampaian dan pentaksiran e-SULAM@UMK hendaklah dijalankan secara dalam talian dan melibatkan kerjasama daripada pelbagai pihak di peringkat jajahan, negeri, kebangsaan maupun antarabangsa.
 - Wajib menggunakan refleksi kritikal dalam pentaksiran pelajar.
 - Komuniti berhubung secara dalam talian atau hybrid bergantung kepada hasil pembelajaran yang telah ditetapkan.
- iv. Cadangan platform dalam talian yang boleh digunakan untuk e-SULAM:



Rajah 3.1: Cadangan platform dalam talian untuk e-SULAM

v. Jenis e-SULAM

Projek e-SULAM@UMK dijalankan berasaskan pedagogi *service-learning* secara dalam talian. Pelajar bertindak sebagai pemberi perkhidmatan yang menggunakan ilmu dan kemahiran yang dipelajari dalam kursus akademik untuk memberikan perkhidmatan kepada komuniti yang telah dikenalpasti. Perkhidmatan yang diberikan perlu melibatkan penggunaan teknologi ICT sebagai medium penyampaian perkhidmatan kepada komuniti yang telah dikenalpasti. Antara contoh pelaksanaan e-SULAM@UMK mengikut pendekatan SULAM adalah seperti berikut:



Rajah 3.2: Contoh pelaksanaan e-SULAM@UMK mengikut pendekatan SULAM

vi. Kaedah Pelaksanaan e-SULAM

Terdapat beberapa kaedah pelaksanaan e-SULAM yang boleh dijalankan, antaranya adalah seperti berikut:



Rajah 3.3: Kaedah pelaksanaan e-SULAM

3.4 Fasa Pelaksanaan SULAM@UMK

Fasa pelaksanaan SULAM@UMK melibatkan EMPAT fasa utama iaitu:



Rajah 3.4: Fasa pelaksanaan SULAM@UMK

Berikut adalah perincian setiap fasa pelaksanaan SULAM@UMK:

3.4.1 Fasa 1 (Perancangan)

1

Perbincangan bermula dengan merujuk dan menyemak balik silibus untuk mengenalpasti kursus-kursus mana yang sesuai untuk dilaksanakan aktiviti SULAM.

2

Kemudian, maklumat berkaitan pelaksanaan SULAM perlu dimasukkan didalam dokumen pengajaran iaitu Table 4 dan SoW. Perubahan maklumat yang melibatkan Table 4 perlu dihantar ke Mesyuarat JK Prasiswazah Fakulti untuk kelulusan.

3

Kemudian, maklumat pelajar seperti bakat dan kemahiran mereka perlu dikumpul untuk menganalisis isu komuniti yang mampu diselesaikan oleh pelajar, kemahiran pelajar yang dapat dipelajari daripada aktiviti SULAM untuk penyelarasan CLO.

4

Penyelaras kursus seterusnya boleh membuat persediaan rancangan pengajaran, tugasan dan mengenal pasti masyarakat yang perlu didekati.


5

Antara aktiviti yang boleh dilakukan di Fasa 1 adalah pengenalpastian keperluan komuniti untuk diselaraskan dengan keperluan hasil pembelajaran kursus, penyelarasan aktiviti SULAM dengan komuniti yang telah bersetuju untuk mengambil bahagian, mengadakan lawatan tapak ke lokasi dan pelajar membuat refleksi terhadap pengalaman mengenai lawatan awal lokasi.

3.4.2 Fasa 2 (Penetapan Aktiviti)

- 1** Fasa 2 adalah fasa penetapan aktiviti yang melibatkan perancangan terperinci untuk menjalankan aktiviti SULAM selepas mendapat kebenaran dari komuniti yang terlibat.
- 2** Di Fasa 2, proses penetapan aktiviti adalah perlu untuk melihat kesesuaian kumpulan pelajar dan strategi untuk menyelesaikan masalah komuniti. Aktiviti yang akan dilaksanakan hendaklah mengikut kesesuaian isu/masalah komuniti sasaran yang telah dikenalpasti.
- 3** Di peringkat ini juga, pensyarah perlu membuat semakan dari segi kesesuaian aktiviti/lokasi/komuniti dan peruntukan dana bagi aktiviti SULAM yang dicadangkan.
- 4** Penyelaras kursus perlu memastikan minimum 20 jam waktu pembelajaran daripada keseluruhan SLT kursus telah ditentukan dalam melaksanakan aktiviti sulam. Waktu 20 jam tersebut termasuk perancangan, pelaksanaan aktiviti dan pentaksiran.
- 5** Pelajar juga perlu didedahkan dengan peranan, tanggungjawab dan perkembangan berterusan mengenai kemahiran yang diperlukan oleh mereka sepanjang aktiviti SULAM berjalan.
- 6** Selain itu, panduan dalam membangunkan cadangan untuk pelaksanaan SULAM, perancangan aktiviti tersebut, masa pembelajaran pelajar, peratusan pemarkahan untuk pentaksiran pelajar dan jenis pentaksiran perlu diterangkan kepada pelajar.

3.4.3 Fasa 3 (Pelaksanaan)



3.4.4 Fasa 4 (Pengukuran Impak)

Fasa ini melibatkan pengukuran impak aktiviti SULAM yang telah dilaksanakan.

1

2

Bagi fasa ini, ia melibatkan perkongsian pelajar berkaitan aktiviti SULAM yang telah dijalankan dengan pihak berkepentingan.

3

Pelajar mendokumenkan setiap proses dalam kesemua fasa, untuk menceritakan perkara yang mereka pelajari termasuk refleksi mengenai isu penting.

4

Pelajar membentangkan pembelajaran mereka yang meliputi apa yang telah dipelajari, proses pembelajaran, dan sumbangan yang dicapai.


5

Selain itu, pengukuran impak boleh dilakukan dengan menjalankan survei ringkas berkenaan projek yang dijalankan. Survei sebelum dan selepas program berjalan boleh mengukur impak projek tersebut melalui kelestarian projek dan analisis yang menunjukkan perubahan positif dan signifikan kepada pelajar dan komuniti.

6

Melalui survei juga, pelajar dapat membuat refleksi untuk penambahbaikan projek tersebut untuk masa hadapan sekaligus boleh meningkatkan pencapaian dan impak projek tersebut.

3.5 Carta Alia Pelaksanaan SULAM@UMK



Rajah 3.5: Carta alir pelaksanaan SULAM@UMK

3.6 Pemantauan aktiviti SULAM@UMK

Pemantauan aktiviti SULAM di universiti amat penting kerana ia memberikan banyak manfaat dan memainkan peranan penting dalam pembangunan pelajar, masyarakat, dan universiti. Antara kaedah pemantauan aktiviti SULAM@UMK adalah:

- i. Penyelaras SULAM fakulti perlu memaklumkan kepada Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik (PKPA) data terkini projek SULAM yang telah dijalankan di fakulti masing-masing.
- ii. Pautan google drive akan di berikan kepada fakulti bagi pengisian maklumat berkaitan aktiviti SULAM.
- iii. Hebahan berkaitan SULAM dari KPT akan dikongsikan oleh PKPA kepada penyelaras
- iv. SULAM fakulti melalui aplikasi *Whatsapp* Penyelaras SULAM Fakulti UMK.
Aktiviti SULAM@UMK yang dihantar oleh fakulti akan dimasukkan ke dalam sistem yang terdapat dalam PORTAL SULAM KPT bagi tujuan pelaporan data SULAM kepada KPT.

3.7 Dokumentasi SULAM KPT

Bahagian Kecemerlangan Akademik (BKA), Jabatan Pendidikan Tinggi, KPT, amat menitikberatkan pemantauan dan pelaporan data pelaksanaan SULAM di universiti awam di Malaysia. Antara kaedah penyelarasan dan pelaporan data SULAM yang diperoleh oleh BKA adalah melalui:

3.7.1 Penyelaras SULAM UA

- Penyelaras SULAM UA perlu menghantar laporan data pelaksanaan *Service Learning Malaysia- University for Society* (SULAM) di Universiti Awam pada setiap semester bagi pemantauan Bahagian Kecemerlangan Akademik (BKA), Jabatan Pendidikan Tinggi, KPT.
- Penyelaras SULAM UA bagi UMK adalah PKPA, UMK.
- Data berkaitan pelaksanaan SULAM di UMK untuk pelaporan ke KPT perlu disahkan oleh TNCAA, UMK.

3.7.2 Portal SULAM

- Bahagian Kecemerlangan Akademik (BKA), Jabatan Pendidikan Tinggi, akan mengumpul maklumat dan data pelaksanaan *Service Learning Malaysia-University for Society* (SULAM) di Universiti Awam untuk dimasukkan dalam portal SULAM bagi BKA.
- Ini bertujuan untuk mempamerkan projek SULAM yang berimpak bagi setiap universiti.
- Pautan Portal SULAM ini juga diurus oleh Pentadbir Portal SULAM UMK.

3.8 Pelaporan SULAM@UMK

Pelaporan aktiviti SULAM@UMK mestilah dibuat pada tiga peringkat iaitu sebelum, semasa dan selepas aktiviti SULAM dirincikan seperti berikut:

i. **Sebelum Aktiviti SULAM**

Perancangan awal untuk pembelajaran kursus SULAM harus bermula sekurang-kurangnya satu semester sebelum permulaan.

ii. **Semasa Aktiviti SULAM**

Meluangkan masa untuk berbincang tentang pembelajaran kursus SULAM pada hari pertama kursus. Penyampaian dilakukan secara mendalam mengenai hasil keseluruhan pembelajaran kursus SULAM, peranan SULAM dalam kursus, dan tanggungjawab pelajar dalam menyelesaikan tugas mereka.

iii. **Selepas Aktiviti SULAM**

SULAM boleh dinilai dari dua perspektif, iaitu pencapaian pelajar yang berkaitan dengan SULAM dan penilaian keseluruhan pengajar terhadap program itu sendiri. Sebarang penilaian mesti mengambil kira hasil kursus, tugas dan latihan yang dibangunkan untuk membantu pelajar dalam pembelajaran mereka adalah merupakan komponen penting dalam kedua-dua pentaksiran formatif dan sumatif.

3.9 Kertas cadangan aktiviti SULAM@UMK

Kertas cadangan untuk aktiviti SULAM perlu mempunyai senarai seperti berikut:



Rajah 3.6: Kertas cadangan untuk aktiviti SULAM@UMK

3.10 Rumusan

Bahagian ini telah membincangkan berkenaan pelaksanaan SULAM@UMK. Selain itu, tadbir urus SULAM@UMK turut dijelaskan bagi membantu fakulti merancang dan mengurus kursus SULAM yang terlibat, membincangkan kaedah pelaksanaan SULAM secara fizikal dan secara dalam talian, fasa utama dalam proses pelaksanaan SULAM, carta alir pelaksanaan SULAM@UMK, pemantauan projek SULAM@UMK, dokumentasi SULAM KPT dan pelaporan SULAM@UMK.

PENUTUP

Garis panduan ini diharapkan dapat membantu pentadbir akademik dan pensyarah dalam merancang serta melaksanakan pelbagai aktiviti SULAM melalui kursus akademik yang ditawarkan dalam program-program pengajian di Universiti Malaysia Kelantan. Berbekalkan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari, kumpulan pelajar daripada pelbagai bidang dan disiplin ini akan dapat memberikan perkhidmatan bagi memenuhi keperluan atau memberikan solusi terhadap permasalahan komuniti yang terdiri daripada pelbagai latar belakang, kumpulan dan lokasi sekali gus melonjakkan fungsi universiti untuk masyarakat.

RUJUKAN

- Bahagian Pentadbiran Akademik, UMK. (n.d.). Buku Pelaksanaan Peperiksaan. Bachok, Kelantan.
- Bahagian Pentadbiran Akademik, UMK. (2020). Garis Panduan Pentaksiran Secara Dalam talian Universiti Malaysia Kelantan. Bachok, Kelantan.
- Bahagian Pentadbiran Akademik, UMK. (2021). Peraturan Akademik UMK Edisi 6. Bachok, Kelantan.
- Jabatan Pendidikan Tinggi (2019). SULAM Playbook: Service Learning Malaysia-University for Society. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jabatan Pendidikan Tinggi (2021). Experiential Learning and Competency-Based Education Landscape (EXCEL): Resilient and Change-Ready Talent. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Malaysian Qualifications Agency (2017). Code of Practice for Programme Accreditation – COPPA 2nd Edition. Petaling Jaya, Malaysia.
- Malaysian Qualifications Agency (2014). Guidelines to Good Practices: Assessment of Students. Petaling Jaya, Malaysia.
- Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik (PKPA), UMK. (2020). E-Learning Pengajaran & Pembelajaran Dalam talian UMK. Penerbit UMK.
- Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik (PKPA), UMK. (2022). Garis Panduan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP), Universiti Malaysia Kelantan.
- Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik (PKPA), UMK. (2022). Garis Panduan Pentaksiran (Secara Fizikal dan Secara Dalam Talian), Universiti Malaysia Kelantan.

w w w . u m k . e d u . m y

e ISBN 978-629-95323-6-1



9 786299 532361

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

16300 Bachok,

Kelantan,

09-7797000

pkk@umk.edu.my

UMK KAMPUS KOTA

Pengkalan Chepa,

16100 Kota Bharu,

Kelantan,

09 - 7717000

pkk@umk.edu.my

UMK KAMPUS JELI

17600 Jeli,

Kelantan.

09-9477000 / 09-9477200

pkk@umk.edu.my

K E U S A H A W A N A N T E R A S K A M I • ENTREPRENEURSHIP IS OUR THRUST

